

# Awas remaja wanita

A.M 9/11/03 MISE

## Polis mengesan kemunculan sekumpulan geng rogol bersiri

>>Oleh MOHD JAMILUL ANBIA  
MD DENIN  
anbia@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Remaja wanita diminta berwaspada berikutan polis mengesan kemunculan sekumpulan geng rogol bersiri yang gemar menculik golongan itu sebelum disamun dan diperkosa beramai-ramai.

Suspek yang dipercayai dianggotai lelaki warga asing dikenal pasti terbabit dalam sekurang-kurangnya enam kes culik dan rogol terhadap beberapa mangsa di sekitar Lembah Klang sejak sebulan lalu.

Sehingga kini suspek yang kerap mengugut mangsa dengan bersenjatakan pisau dan parang dikatakan masih bebas dan menjadi buruan polis.

Sumber polis berkata, dalam kes terbaru kelmarin, seorang wanita berusia 21 tahun hampir menjadi mangsa

geng itu selepas diculik di depan rumahnya di Kepong, di sini.

Menurutnya, dalam kejadian jam 9 malam, mangsa yang baru pulang dari kerja membuka pintu pagar rumahnya apabila sebuah kereta Proton Saga tiba-tiba berhenti sebelum beberapa lelaki keluar dan menyerangnya.

"Kumpulan lelaki berkenaan yang bersenjatakan parang kemudian menarik mangsa masuk ke dalam kenderaan sebelum melarikan diri," katanya.

Menurutnya, ketika di dalam kereta, mangsa dipaksa menyerahkan semua barang kemas, termasuk cincin dan rantai emas.

"Malah telefon bimbit, wang tunai RM300 dan kad pengeluaran wang automatik (ATM) milik mangsa turut dirampas. Suspek kemudian menggunakan pisau untuk mengugut mangsa supaya mendedahkan nombor pin



kad ATM berkenaan," katanya.

Sumber itu berkata, mangsa kemudian dibawa ke sebuah bank untuk membuat pengeluaran wang melalui mesin ATM membabitkan jumlah melebihi RM1,000.

"Mangsa kemudian dibawa 'bersiar-siar' menaiki kereta tanpa diketahui tujuan sebenar. Bagaimanapun, telefon bimbit mangsa tiba-tiba berbunyi apabila ibu mangsa membuat panggilan,



**Kumpulan penjenayah itu dianggap bahaya dan remaja wanita dinasihatkan berhati-hati setiap masa supaya tidak dijadikan mangsa seterusnya"**

>Senior Asisten Komisioner II Hasnan Hassan  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor

lan," katanya.

Sumber itu berkata, penjenayah bagaimanapun mengugut mangsa supaya memberi alasan kononnya dia ada bersama rakan lain sebelum perbualan itu diputuskan.

"Namun mangsa yang diculik selama hampir lapan jam akhirnya mendapat akal untuk melepaskan diri dengan memberi alasan mahu membuang air kecil.

"Berikutan itu suspek memberhentikan kereta di

sebuah stesen minyak berhampiran Lebuhraya Grand Saga Kuala Lumpur-Kajang. Mangsa kemudian bergegas masuk ke dalam tandas wanita sebelum mengunci pintu dari dalam," katanya.

Menurutnya, mangsa yang mempunyai satu lagi telefon bimbit yang disembunyikannya kemudian menghubungi polis untuk meminta bantuan.

"Pada masa sama suspek yang menyedari sesuatu ti-

dak kena memaksa mangsa membuka pintu tandas. Bagaimanapun, mangsa enggan dan terus berkurung dalam tandas.

"Penjenayah itu akhirnya terpaksa melarikan diri selepas menyedari sebuah kereta peronda polis menghampiri stesen minyak berkenaan," katanya.

Menurutnya, mangsa berjaya diselamatkan oleh polis sebelum membuat laporan berhubung kejadian culik berkenaan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner II Hasnan Hassan yang dihubungi mengesahkan kewujudan geng penjenayah berkenaan dan berkata usaha menangkap mereka giat dilakukan.

"Kumpulan penjenayah itu dianggap bahaya dan remaja wanita dinasihatkan berhati-hati setiap masa supaya tidak dijadikan mangsa seterusnya," katanya.